

PEMBANGUNAN KOMUNITI DI DALAM PERLAKSANAAN
KONSEP BANDAR SELAMAT

Kajian Kes : Bukit Jelutong, Seksyen U8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

NOR EEDA BINTI HAJI ALI

Laporan projek ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Sarjana Sains [Perancangan Perumahan]

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2006

DEDIKASI

Untuk abah dan ibu tercinta,
Haji Ali Bin Bakar dan Hajjah Rawiyah Binti Haji Ali
kerana berkat doa dan dorongan kalian serta perangsang dan cahaya pejuang yang
diberikan di sepanjang tempoh pembelajaran di universiti ini.
Semoga Allah S.W.T. memberkati dan memberi rahmatNya
di atas segala pengorbanan kalian.
Terima Kasih.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, maka kajian ini dapat disempurnakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kajian ini merupakan salah satu usaha yang telah digabungkan bersama-sama dengan mereka yang telah banyak membantu saya dari mula sehinggalah ke akhir. Tiada harta dan juga kata-kata yang dapat diucapkan dan diberi bagi membalas jasa dan budi yang telah dihulurkan.

Di sini saya dengan besar hati mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia kajian, Dr. Norsiah Binti Abdul Aziz di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat yang tidak terkira nilainya sepanjang tempoh kajian ini. Tidak lupa kepada Prof. Madya Dr. Ho Chin Siong selaku pembaca tesis di atas bantuan dan nasihat yang dihulurkan di dalam menjayakan kajian ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Ibu Pejabat Polis Seksyen 11, Shah Alam khasnya Sarjan Ayob Bin Ismail, Ketua Balai Polis Bukit Jelutong iaitu ASP Nurhajis Bin Hassan. Juga kepada Puan Hazlin Binti Ibrahim, Pegawai Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Encik Ariffin Bin Buranudeen, Ketua Persatuan Penduduk Bukit Jelutong [BJRA] di atas segala bantuan dari segi bahan rujukan dan idea yang tidak ternilai yang telah diberikan dan akan dikenang buat selama-lamanya.

Terima kasih juga diucapkan kepada teman-teman yang telah memberi dorongan dan sokongan bagi membantu serta galakan sepanjang menjalankan kajian ini.

ABSTRAK

Kadar jenayah di Malaysia kian meningkat hingga mengancam tahap keselamatan dan ketenteraman masyarakat. Salah satu cara menangani jenayah, Jabatan Perancang Bandar & Desa, telah melaksanakan konsep Bandar Selamat. Konsep Bandar Selamat bertujuan membentuk persekitaran bandar dan perumahan yang selamat dan aman, iaitu bebas daripada jenayah melalui prinsip reka bentuk persekitaran, pihak keselamatan dan pembangunan komuniti. Oleh itu kajian ini mengenalpasti aspek pembangunan komuniti dalam melaksanakan konsep Bandar Selamat di kawasan perumahan bandar Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor. Jumlah sampel adalah sebanyak 100 buah rumah dengan menggunakan paras keyakinan 90 peratus dan dianalisis menggunakan program SPSS. Soalselidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat pembangunan komuniti di kawasan kajian seperti profail penghuni, pandangan terhadap tahap keselamatan perumahan, pandangan terhadap tahap komuniti, pandangan terhadap tahap berpersatuan, pandangan terhadap tahap kepercayaan antara komuniti dan pandangan komuniti bagi mengurangi jenayah. Kajian mendapati bahawa pembangunan komuniti telah mencapai tahap yang boleh dibanggakan dalam mengurangi kadar jenayah antaranya dengan melantik '*community security*' swasta dan dikawal selia oleh Bukit Jelutong Resident Association [BJRA] bagi menjamin tahap keselamatan yang baik di kawasan perumahan mereka. Selain itu, pihak komuniti juga telah menujuhkan beberapa persatuan untuk mempertingkatkan interaksi antara komuniti. Namun penyertaannya amat mendukacitakan kerana tidak aktif, kekurangan program, sokongan komuniti yang tidak menyeluruh dan ketiadaan masa dikalangan komuniti disebabkan sering menghabiskan masa dengan urusan pejabat. Hasil kajian mendapati 100 peratus responden bersetuju bahawa penyertaan komuniti di dalam sesebuah kawasan perumahan memainkan peranan yang penting di dalam mengawal kegiatan jenayah kerana komuniti merupakan 'mata dan telinga' kepada pihak keselamatan. Beberapa pembaikan dan cadangan bagi menjayakan perlaksanaan konsep Bandar Selamat telah digariskan bagi kawasan kajian. Dua strategi telah dicadangkan iaitu memperkuatkannya organisasi berpersatuan. Ia melibatkan aspek keselamatan dan program-program sosial. Bagi mencapai strategi pertama, strategi pembangunan komuniti telah dicadangkan. Antaranya cadangan pembangunan komuniti adalah melalui pendidikan, kesedaran terhadap kepentingan komuniti, inisiatif komuniti dan pengorbanannya.

ABSTRACT

In Malaysia, crime rate keep on increasing from time to time and has been a threat to the security and peaceful environment of the community. Department of Town and Country Planning had implemented Safe City concept as one of the ways to reduce crime. The concept of Safe City aims at creating a safe and peaceful environment of city and housing, so as to reduce crime rate through environmental design principles, security and community development. Therefore, the study is to identify some of the aspects of community development of the Safe City concept in the housing area in Bukit Jelutong, Section U8, Shah Alam. The total number of sample size are 100 houses with 90 percent confidence level. SPSS is used as a tool to analyze data. Questionnaires survey is conducted as to get information on community development in the study area such as resident profile, resident's opinion on the safety level of housing, community level, level of community association the confidence level among community and their opinion to reduce crime. The study showed that the community development has reached a respective level in terms of reducing crime rate. Through the establishment of private community security, which is supervised by Bukit Jelutong Resident Association [BJRA] as to ensure the safety level in the housing area. The community have also proposed a few associations but they no longer active due to lack of support, lack of programs and also time constraints among community because they are preoccupied with their office work. The study also showed that 100 percent of respondents agreed that the contribution of community plays an important role to control the crime problem because they are the 'eyes and ears' to the security group. Two strategies are recommended so as to improve the current situation in the study area. First; is to consolidate associations which concern the safety aspect and social programs. So as to achieve the first strategy, the community development strategy is recommended which include education, towards the importance of community, community awareness, community initiative and sacrifices.

ISI KANDUNGAN

BAB PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI PELAN	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI FOTO	xvi

BAHAGIAN SATU

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Isu dan Persoalan Kajian	3
1.2 Matlamat Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Skop Kajian	6
1.5 Kawasan Kajian	7
1.6 Pendekatan Kajian	13
1.6.1 Peringkat Pertama : Kajian Awalan	13
1.6.2 Peringkat Kedua : Kajian Literature	13
1.6.3 Peringkat Ketiga : Pengumpulan Data	14
1.6.4 Peringkat Keempat : Analisis Data & Penemuan Kajian	15
1.6.5 Peringkat Kelima : Hasil Akhir dan Cadangan	15
1.8 Kepentingan Kajian	16

BAHAGIAN KEDUA

BAB II PEMBANGUNAN KOMUNITI DI DALAM PERLAKSANAAN BANDAR SELAMAT

2.1	Pengenalan	18
2.2	Definisi Bandar Selamat	19
	2.2.1 Matlamat dan Konsep Bandar Selamat	19
	2.2.2 Indikator Bandar Selamat	21
2.3	Jenayah	22
	2.3.1 Jenayah Kekerasan	23
	2.3.2 Jenayah Harta Benda	23
2.4	Ciri-Ciri Bandar Selamat	23
	2.4.1 Reka Bentuk Persekutaran	25
	2.4.1.1 Matlamat, Strategi dan Prinsip Perancangan Reka Bentuk Persekutaran	25
	2.4.1.2 Langkah-Langkah Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekutaran	26
	2.4.2 Pihak Keselamatan	30
	2.4.3 Pembangunan Komuniti	31
	2.4.3.1 Definisi Komuniti	31
	2.4.3.2 Indikator Komuniti	33
	2.4.3.3 Kemudahan Awam Sebagai Pusat Komuniti	34
	2.4.3.4 Program Sosial	36
2.5	Aspek Komuniti Dalam Menjayakan Bandar Selamat : Pengalaman Negara Luar	42
	2.5.1 Program Skim Pengawasan Kejiranan ‘ <i>Neighborhood Watch Scheme</i> ’	42
	2.5.2 Kempen Kesedaran Masyarakat Terhadap Jenayah	43
	2.5.3 Cara Memperkenalkan Pencegahan Jenayah	44
	2.5.4 Program ‘ Safe Neighborhood Initiative ‘ [SNI]	45
	2.5.5 Program Pembaharuan Kejiranan ‘ <i>Neighborhood Renewal</i> ’	46
2.6	Rumusan	48

BAHAGIAN KETIGA

BAB III ANALISIS DATA DAN PENEMUAN KAJIAN

3.1 Pengenalan	49
3.2 Senario Kejadian Jenayah di Bukit Jelutong	50
3.3 Susunatur dan Kemudahan di Bukit Jelutong	52
3.3.1 Susunatur Perumahan	52
3.3.2 Kemudahan Keselamatan	56
3.3.3 Kemudahan Rekreasi	57
3.3.4 Kemudahan Pendidikan	59
3.4 Program-Program Yang Telah Dilaksanakan di Bukit Jelutong	60
3.4.1 Program Keselamatan	60
3.4.1.1 Kejayaan	60
3.4.1.2 Halangan	61
3.4.2 Program Pendidikan dan Kesedaran Masyarakat	61
3.4.2.1 Kejayaan	61
3.4.2.2 Halangan	62
3.4.3 Program yang dijalankan oleh komuniti	62
3.4.3.1 Kejayaan	64
3.4.3.2 Halangan	64
3.5 Profail Responden	65
3.5.1 Umur dan Bangsa	65
3.5.2 Pendapatan Isirumah Mengikut Bangsa	65
3.5.3 Taraf Pendidikan Responden	67
3.5.4 Tempoh Menetap	68
3.6 Pandangan Terhadap Tahap Keselamatan Perumahan	69
3.6.1 Tahap Keselamatan Perumahan	69
3.6.2 Mengetahui Kegiatan Jenayah Dan Sumbernya	69
3.6.3 Jenis-Jenis Jenayah Dan Waktu Sasaran	70
3.7 Pandangan Terhadap Tahap Komuniti Berjiran	72
3.7.1 Mengenali Jiran Tetangga	72
3.7.2 Lokasi dan Kekerapan Berinteraksi	73

3.7.3 Kekerapan Interaksi Mengikut Bangsa	74
3.7.4 Menjemput Jiran Semasa Menganjurkan Majlis	75
3.7.5 Reaksi Semasa Dijemput Menghadiri Majlis	75
3.8 Pandangan Terhadap Tahap Berpersatuan	76
3.8.1 Kewujudan dan Inisiatif Menyertai Persatuan	77
3.8.2 Persatuan Yang Melibatkan Pencegahan Jenayah	77
3.8.4 Peranan Di dalam Persatuan	78
3.8.5 Reaksi Penerimaan Tugas Di dalam Persatuan	79
3.8.6 Lokasi Menjalankan Aktiviti	79
3.8.7 Sambutan Daripada Penduduk Terhadap Aktiviti Yang Dijalankan	80
3.9 Pandangan Terhadap Tahap Kepercayaan Antara Komuniti	81
3.9.1 Tanggapan Terhadap Jiran Tetangga	81
3.9.2 Orang Yang Pertama Dihubungi	81
3.9.3 Kepercayaan Terhadap Jiran	82
3.10 Pandangan Terhadap Aspek Komuniti Di dalam Pencegahan Jenayah	84
3.11 Pandangan Bagi Mengurangi Kadar Jenayah	87
3.12 Penemuan Kajian	91
3.12.1 Kejayaan Pembangunan Komuniti di Kawasan Kajian	94
3.12.2 Halangan Pembangunan Komuniti di Kawasan Kajian	95
3.12.3 Perbandingan Indikator Bandar Selamat dan Indikator Komuniti dengan Penemuan di Kawasan Kajian	96

BAHAGIAN KEEMPAT

BAB IV CADANGAN PEMBANGUNAN KOMUNITI DI DALAM PERLAKSANAAN KONSEP BANDAR SELAMAT

4.1 Pengenalan	102
4.2 Strategi Pembangunan Komuniti di dalam Perlaksanaan Bandar selamat	103
4.3 Memperkuatkannya struktur Organisasi Berpersatuan	103

4.3.1 Persatuan Keselamatan	106
4.3.1.1 Pihak Swasta	106
4.3.1.2 Penglibatan Komuniti	110
4.3.2 Program-Program Sosial	116
4.3.2.1 Golongan Remaja	116
4.3.2.2 Golongan Dewasa	118
4.4 Pembangunan Komuniti	120
4.4.1 Pendidikan	122
4.4.2 Inisiatif Berkomuniti	122
4.4.3 Kesedaran Terhadap Kepentingan Berkomuniti	123
4.4.4 Pengorbanan	124
4.5 Rumusan	125

BAHAGIAN KELIMA

BAB V PENUTUP	126
----------------------	------------

BAHAN RUJUKAN	131
----------------------	------------

LAMPIRAN

Lampiran A	137
Lampiran B	141
Lampiran C	143
Lampiran D	144
Lampiran E	145
Lampiran F	146
Lampiran G	147
Lampiran H	148
Lampiran I	149

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	: Statistik Kes Jenayah, 2000 – 2005	4
Jadual 1.2	: Agihan Bilangan Sampel Borang Soal Selidik di Kawasan Kajian	15
Jadual 2.1	: Ciri-Ciri Bandar Selamat	24
Jadual 3.1	: Kemudahan Yang Disediakan di Kawasan Bukit Jelutong dan Unit Kejiranan	53
Jadual 3.2	: Pendapatan Isirumah	66
Jadual 3.3	: Taraf Pendidikan Responden	68
Jadual 3.4	: Mengetahui Kegiatan Jenayah dan Sumbernya	70
Jadual 3.5	: Kejadian Jenayah dan Waktu Sasaran	71
Jadual 3.6	: Lokasi Dan Kekerapan Berinteraksi	73
Jadual 3.7	: Kekerapan Interaksi Mengikut Bangsa	74
Jadual 3.8	: Peranan Di dalam Persatuan	78
Jadual 3.9	: Lokasi Menjalankan Aktiviti	80
Jadual 3.10	: Tanggapan Terhadap Jiran	81
Jadual 3.11	: Jenis Pertolongan Yang Diperlukan Semasa Memaklumkan Pemergian Kepada Jiran Dalam Jangkamasa Yang Panjang	83
Jadual 3.12	: Makluman Sebelum Pemergian Dalam Jangkasama Yang Panjang	84
Jadual 3.13	: Langkah Bagi Mewujudkan Komuniti Yang Baik	85
Jadual 3.14	: Program Yang Berkonsep Komuniti Di Dalam Membantu Mengurangi Jenayah	86

Jadual 3.15	:	Cadangan Dalam Aspek Komuniti Bagi Membantu Pencegahan Jenayah	90
Jadual 3.16	:	Tahap Keselamatan Menggunakan Indikator Bandar Selamat Oleh JPBD, 2004	96
Jadual 3.17	:	Tahap Komuniti Yang Baik Menggunakan Indikator Komuniti Oleh Philips & Bridges, 2005	99
Jadual 4.1	:	Pembahagian Pengawasan Kejiranan dan Kemudahan	111

SENARAI PELAN

NO PELAN	TAJUK	MUKA SURAT
Pelan 1.1	: Pelan Kunci	8
Pelan 1.2	: Pelan Pembahagian Seksyen	9
Pelan 1.3	: Pelan Lokasi	10
Pelan 1.4	: Pelan Gunatanah Semasa	11
Pelan 1.5	: Pelan Kawasan Kajian	12

SENARAI RAJAH

NO	RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
	Rajah 1.1	: Statistik Jumlah Kes Jenayah, 2000 – 2005	3
	Rajah 1.2	: Methodologi Kajian	17
	Rajah 2.1	: Matlamat Yang Digariskan Untuk Bandar Selamat	20
	Rajah 3.1	: Pembahagian Fasa Sedia ada di Kawasan Kajian	50
	Rajah 3.2	: Kejadian Jenayah Kekerasan di Bukit Jelutong, 2003–2005	51
	Rajah 3.3	: Kejadian Jenayah Harta Benda di Bukit Jelutong, 2003 – 2005	52
	Rajah 3.4	: Konsep ‘ <i>Single entry</i> ’ di Kawasan Kajian Bagi memudahkan pengawasan di buat oleh komuniti	54
	Rajah 3.5	: Organisasi Persatuan Komuniti Bukit Jelutong [BJRA]	63
	Rajah 3.6	: Umur & Bangsa Responden	65
	Rajah 3.7	: Jumlah Pendapatan Mengikut Bangsa	67
	Rajah 3.8	: Tempoh Menetap	68
	Rajah 3.9	: Tahap Keselamatan Perumahan	69
	Rajah 3.10	: Tahap Mengenali Jiran Tetangga	72
	Rajah 3.11	: Menjemput Jiran Semasa Menganjurkan Majlis Mengikut Bangsa	75
	Rajah 3.12	: Reaksi Semasa Mendapat Undangan Ke Majlis	76
	Rajah 3.13	: Menyertai Persatuan	77
	Rajah 3.14	: Pengetahuan Persatuan Yang Melibatkan Pencegahan Jenayah	78
	Rajah 3.15	: Reaksi Penerimaan Tugas	79
	Rajah 3.16	: Sambutan Daripada Penduduk	80
	Rajah 3.17	: Orang Yang Pertama Di hubungi	82
	Rajah 3.18	: Kepercayaan Terhadap Jiran	82

Rajah 3.19	:	Aspek Komuniti Dapat Membantu Mengurangi Jenayah	85
Rajah 3.20	:	Saiz Komuniti Yang Baik	87
Rajah 3.21	:	Adakah Kawasan Kediaman Selamat Didiami?	88
Rajah 3.22	:	Pihak Yang Paling Penting Perlu Melibatkan Diri Di dalam Mencegah Jenayah	88
Rajah 3.23	:	Adakah Keakraban Kejiranian Dapat Membantu Mengurangi Kadar Jenayah?	89
Rajah 4.1	:	Cadangan Struktur Organisasi Persatuan Penduduk Bukit Jelutong	104
Rajah 4.2	:	Carta Alir Penyelesaian Masalah oleh BJRA	105
Rajah 4.3	:	'Phone Tree' Yang Perlu disediakan oleh 'Homeguard'	107
Rajah 4.4	:	Notis mesyuarat yang perlu diadakan oleh 'Homeguard'	108
Rajah 4.5	:	'Block Watch Attendance Form'	108
Rajah 4.6	:	Pengawasan Kejiranian Melalui Tiga Unit Kejiranian	110
Rajah 4.7	:	Struktur Pentadbiran Pengawasan Kejiranian	112
Rajah 4.8	:	Pelan Kejiranian Setiap Lorong	113
Rajah 4.9	:	Papan Tanda Pengawasan Kejiranian	115
Rajah 4.10	:	Pengorbanan Yang Diperlukan Terhadap Komuniti	124

SENARAI FOTO

NO FOTO	TAJUK	MUKA SURAT
Foto 3.1	: Pagar rumah dan landskap yang tidak menghalang penglihatan orang awam.	55
Foto 3.2	: Jalan berbentuk ‘cul-de-sac’ , menyukarkan penjenayah mlarikan diri	55
Foto 3.3	: Pondok pengawal diletakkan disetiap ‘access points’ kawasan kajian	56
Foto 3.4	: Pelbagai cara yang dilakukan oleh pihak BJRA bagi mengawasi kawasan kajian	56
Foto 3.5	: Bukit Jelutong ’Golf Club’	57
Foto 3.6&3.7:	Padang ’skateboard’ dan padang permainan kanak-kanak, antara aktiviti rekreasi yang disediakan di kawasan kajian.	57
Foto 3.8	: ’Pocket green’ yang berkonsep ’ala-santai’.	57
Foto 3.9	: Dewan serbaguna merupakan lokasi penduduk untuk berkomuniti setiap bulan.	58
Foto 3.10	: Pelbagai persatuan diwujudkan di dewan mengikut unit kejiranan	58
Foto 3.11	: Pelbagai kreativiti komuniti sempena Kempen Merdeka di kawasan kajian.	58
Foto 3.12	: Program gotong-royong sesama komuniti telah diadakan di kawasan kajian.	58
Foto 3.13	: Tadika di sediakan di setiap unit kejiranan kawasan kajian	59
Foto 3.14	: Sekolah Menengah Bukit Jelutong sebagai kemudahan pendidikan di kawasan kajian	59

- Foto 3.15 : Sekolah Rendah Bukit Jelutong di sediakan untuk komuniti di sini 59
- Foto 4.1 : Pondok keselamatan yang perlu disediakan di setiap unit kejiranana 109 kawasan kajian.
- Foto 4.2 : Pakaian yang sesuai di pakai oleh ahli keselamatan swasta semasa 109 membuat rondaan
- Foto 4.3 : Kotak telefon kecemasan yang perlu disediakan oleh pihak Polis 115

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Menjelang tahun 2020, dianggarkan hampir 65 peratus penduduk di Semenanjung Malaysia akan mendiami kawasan bandar. Kawasan bandar merupakan penggerak dan nadi kepada ekonomi yang berkonsepkan teknologi. Kesan perbandaran di negara ini tidak terkecuali daripada masalah aktiviti-aktiviti globalisasi, antaranya ialah risiko kesejahteraan dan keselamatan yang tinggi kerana bandar tidak lagi mempunyai ciri-ciri yang selesa [*conducive*] untuk memberi perlindungan kepada kesejahteraan hidup [*well being*] manusia [Zainuddin bin Hj. Muhammad, 2000].

Hampir setiap hari, media massa memaparkan laporan tentang pelbagai jenis kes jenayah sama ada rompakan bersenjata, penculikan, atau pencabulan wanita. Ternyata aktiviti-aktiviti jenayah pada masa kini semakin bersifat ganas dan penjenayah pula semakin berani dalam menjalankan aktiviti mereka. Perkara ini dipandang serius oleh kerajaan. Sesungguhnya, peningkatan penglihatan pihak yang terlibat adalah amat penting bagi mencegah jenayah dan meningkatkan tanggapan keselamatan rakyat [*sense of safety*].


Pada tahun 2004, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah melaksanakan konsep Bandar Selamat bagi mewujudkan suasana kehidupan yang selamat dan mengurangkan peluang untuk melakukan jenayah kepada tahap yang paling minimum. Konsep Bandar Selamat ini berasaskan kepada slogan bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada penghapusan jenayah. Antara pendekatan pencegahan jenayah boleh dilaksanakan melalui rekabentuk persekitaran, pihak keselamatan dan pembangunan komuniti. Pendekatan ini berasaskan prinsip pencegahan jenayah melalui pengurangan peluang untuk penjenayah melakukan jenayah kerana kebanyakan jenayah berlaku secara spontan yang dihasilkan daripada peluang yang wujud.

Aspek komuniti sememangnya telah menjadi amalan komuniti di luar bandar sejak sekian lama dan merupakan teras perhubungan sosial. Namun ianya berbeza di kawasan bandar di mana aspek komuniti itu semakin merosot dan mula diabaikan. Penglibatan bersama [pembangunan komuniti] antara kerajaan, pihak keselamatan dan komuniti serta menyatukan komuniti dalam pencegahan jenayah dengan menanamkan semangat kejiranan adalah di antara ciri-ciri Bandar Selamat. Pengawasan kejiranan adalah satu rangkaian komuniti setempat yang mempunyai kesedaran untuk mengawasi kejadian yang berlaku di sekitar kawasan kejiranan dan melaporkan aktiviti-aktiviti yang diragui kepada pihak Polis. Komuniti adalah ‘mata dan telinga’ kepada Polis untuk memerhatikan perkara-perkara yang biasa dan juga luar biasa, di samping menjaga keselamatan perumahan mereka.

Aspek komuniti di dalam perlaksanaan konsep Bandar Selamat perlulah diberi perhatian terutamanya di kawasan perumahan. Ini kerana komuniti juga boleh bertindak sebagai agensi yang penting kepada pihak Polis dengan memberi ‘*in-put*’ kearah membangunkan Bandar Selamat. Peranan mereka juga amat besar dalam membantu kerajaan menyampaikan objektif, selain meringankan beban tugas Polis mencegah kejadian jenayah.

1.1 Isu dan Persoalan Kajian

Tahun demi tahun, kes-kes jenayah di Malaysia kian meningkat hingga mengancam tahap keselamatan dan ketenteraman masyarakat. Menurut statistik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman kes-kes jenayah telah meningkat dari tahun 2000 hingga 2005. Jenis-jenis jenayah terbahagi kepada dua iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Pada tahun 2003 - 2005 jumlahnya ketara tetapi telah menurun pada tahun 2002. Peningkatan kes dari tahun 2003 hingga 2005 adalah sebanyak 10 peratus. [Rujuk Rajah 1.1]



Sumber : Cawangan Perhubungan Awam, Polis Diraja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, 2006.

Rajah 1.1 : Statistik Jumlah Kes Jenayah, 2000 - 2005

Pada tahun 2000-2005, jenayah kekerasan untuk samun tanpa senjata paling banyak dilaporkan [13,210 kes], diikuti mencederakan manusia [4,246 kes], rogol [1,881 kes], samun berkawan tanpa senjata p [1,842 kes], bunuh [497 kes], samun bersenjata p [317 kes], cuba bunuh [94 kes] dan samun berkawan bersenjata p [40 kes]. Kes jenayah harta benda pula, pada tahun 2000 hingga 2005 curi motosikal pula merupakan kes jenayah harta benda yang paling ketara iaitu [51,709 kes], lain-lain curi [34,317 kes], pecah rumah dan curi [malam] [17,542 kes], curi motokar [9,711 kes], curi ragut [9,617 kes], pecah rumah dan curi [siang] [6,923 kes] dan curi motor lori/van [5,507 kes]. Secara keseluruhan pada tahun 2005 jenayah berkurangan 11 peratus daripada tahun sebelumnya. Penurunan kes jenayah ini disebabkan

perlaksanaan beberapa program pencegahan jenayah seperti rukun tetangga, pengawasan kejiranan dan sebagainya. Jadual 1.1 menunjukkan statistik kes jenayah dari tahun 2000 hingga 2005.

Jadual 1.1 : Statistik Kes Jenayah, 2000 - 2005

Kes	2000	2001	2002	2003	2004	2005
Jenayah Kekerasan						
Bunuh	551	608	516	565	565	497
Cuba bunuh	43	68	64	77	92	94
Samun berkawan senjatapi	89	65	73	45	44	40
Samun berkawan tanpa senjatapi	1,681	1,697	1,704	1,920	1,689	1,842
Samun bersenjatapi	722	566	425	381	334	317
Samun tanpa bersenjatapi	12,204	11,333	12,203	13,963	13,221	13,210
Rogol	1,210	1,354	1,418	1,471	1,718	1,887
Mencederakan manusia	5,104	4,699	4,440	4,368	4,196	4,246
<i>Jumlah Kecil</i>	<i>21,604</i>	<i>20,394</i>	<i>20,843</i>	<i>22,790</i>	<i>21,859</i>	<i>4,246</i>
Jenayah Harta Benda						
Pecah rumah & curi (siang)	8,675	7,449	6,821	6,928	6,550	6,923
Pecah rumah & curi (malam)	24,238	21,003	18,444	18,861	18,354	17,542
Curi Motor, Lori/Van	3,698	4,306	4,570	5,551	4,892	5,507
Curi Motokar	7,278	8,580	8,544	8,537	8,624	9,711
Curi Motosikal	45,903	47,223	47,137	50,212	51,560	51,709
Ragut	15,082	14,368	14,460	15,798	11,536	9,617
Lain-lain curi	54,881	33,210	28,043	27,638	33,080	34,317
<i>Jumlah Kecil</i>	<i>145,569</i>	<i>136,079</i>	<i>128,199</i>	<i>133,525</i>	<i>134,596</i>	<i>135,326</i>
<i>Jumlah Keseluruhan</i>	<i>167,173</i>	<i>156,473</i>	<i>149,042</i>	<i>156,315</i>	<i>156,455</i>	<i>139,572</i>

Sumber : Cawangan Perhubungan Awam, Polis Diraja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, 2006.

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa program di dalam mengurangi kadar jenayah melalui Rancangan Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Keenam [1991-1995], Program Rakan Muda telah diperkenalkan bertujuan untuk membantu belia mengelakkan diri daripada kegiatan yang tidak sihat terutamanya kegiatan jenayah. Manakala dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan [1996-2005], memperkenalkan Program Masyarakat Penyayang dan Jawatankuasa Rukun Tetangga secara meluas bertujuan untuk memupuk semangat kejiranan bagi membantu mengurangi jenayah di kawasan perumahan. Manakala Program Khidmat Sosial Negara di dalam Rancangan Malaysia Kelapan [2001-2005] diperkenalkan bertujuan

menggalakkan semangat kerjasama dan perkongsian antara agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan [NGO] sukarela membantu membentera jenayah. Terkini di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan [2006-2010], telah diperkenalkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pusat Aktiviti Perpaduan bagi membentuk komuniti berpengetahuan dalam membuat rondaan, mengorganisasi persatuan di dalam mencegah jenayah. Bagi merealisasikan program-program ini, pembabitan komuniti amat diperlukan.

Komuniti memainkan peranan penting dalam merangka cara penyelesaian yang bersifat tempatan [*custom design solution*]. Komuniti dapat mempertingkatkan [heighten] peluang pemerhatian dan pengawasan ke atas harta benda, terutama apabila rumah jirannya kekosongan. Semangat kejiranan seperti saling membantu dan mengambil berat di antara jiran oleh komuniti juga dapat membentera kejadian jenayah. Semangat ini perlu disemai dan diamalkan dikalangan komuniti. Semua strategi dan langkah pencegahan jenayah tidak berkesan tanpa kesedaran dan kerjasama komuniti. Oleh itu kajian ini telah mengemukakan beberapa persoalan.

- i. Sejauhmanakah aspek komuniti dapat membantu mengurangi kadar jenayah di kawasan perumahan?
- ii. Apakah indikator komuniti yang berkesan bagi mencapai konsep Bandar Selamat?
- iii. Apakah kejayaan dan halangan aspek komuniti di dalam perlaksanaan konsep Bandar Selamat?
- iv. Apakah sumbangan dan peranan pihak-pihak yang terlibat dalam menerapkan aspek komuniti di dalam perlaksanaan Bandar Selamat?

1.2 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti pembangunan komuniti dalam melaksanakan konsep Bandar Selamat.

1.3 Objektif Kajian

Di antara objektif-objektif yang digariskan untuk mencapai matlamat di atas ialah:-

- i. Mengenalpasti definisi, matlamat, konsep, indikator dan ciri-ciri Bandar Selamat;
- ii. Mengenalpasti definisi, indikator, strategi dan program-program komuniti;
- iii. Mengenalpasti isu-isu jenayah di kawasan perumahan bandar yang terancang;
- iv. Mengenalpasti penglibatan komuniti di dalam menjayakan Bandar Selamat di luar negara;
- v. Mengenalpasti kejayaan dan halangan aspek komuniti di dalam perlaksanaan Bandar Selamat; dan
- vi. Mengemukakan beberapa pemberian dan cadangan dalam pembangunan komuniti bagi menjayakan perlaksanaan Bandar Selamat.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya melihat kepada isu-isu jenayah sama ada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda yang melibatkan ancaman kepada aspek keselamatan dan kesejahteraan komuniti di bandar. Isu-isu jenayah ini merupakan salah satu daripada penekanan dalam perlaksanaan Bandar Selamat. Kajian ini juga hanya memberi penekanan kepada kawasan perumahan yang dirancang yang meliputi kawasan rumah teres, berkembar dan sesebuah. Selain daripada itu, kajian juga hanya menumpukan aspek komuniti daripada aspek reka bentuk persekitaran dan pihak keselamatan dalam menyelesaikan atau mengurangi jenayah bagi mewujudkan sebuah Bandar Selamat.

1.5 Kawasan Kajian

Bukit Jelutong merupakan sebuah kawasan perumahan yang terpilih sebagai kawasan kajian. Keseluruhan tapak pembangunan Bukit Jelutong mempunyai keluasan 2,205.03 ekar dan mempunyai 5,000 unit kediaman. Ia juga terletak di bahagian utara pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam, juga dikenali sebagai kawasan Seksyen U8 [Shah Alam Utara] dan mempunyai 5 fasa perumahan di dalamnya. Kawasan kajian dapat dihubung melalui '*Guthrie Corridor Expressway*' melalui persimpangan bertingkat, Lebuhraya Persekutuan dan '*North Klang Valley Expressway*'. Pelan 1.1 menunjukkan Pelan Kunci kawasan kajian, Pelan 1.2 menunjukkan pembahagian seksyen iaitu kawasan utara, kawasan tengah dan kawasan selatan Shah Alam. Pelan 1.3 pula menunjukkan Pelan Lokasi kawasan kajian di Bukit Jelutong.

Bukit Jelutong ini di buka sekitar tahun 2000 yang berkonsepkan pembangunan bercampur. Pembangunan ini telah mendapat kelulusan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam pada 29hb Februari 1996 dengan rujukan MPSA/PRG/PTU8-2-96 [1]MPSA/PRG/2016-94[U8]. Ia dimajukan oleh Guthrie Property Development Holdings Sdn. Bhd.

Kawasan kajian telah dipilih sebagai Bandar Selamat oleh Majlis Bandaraya Shah Alam pada tahun 2005. Rasionalnya kerana jumlah kes jenayah di kawasan kajian berkurangan berbanding kawasan perumahan yang lain [Ibu Pejabat Polis Diraja Shah Alam, 2006]. Terdapat empat jenis rumah iaitu teres, berkembar, sesebuah dan pangsapuri. Perumahan di bahagian utara Bukit Jelutong masih di dalam proses pembangunan, bahagian timur barat pula baru diduduki iaitu kurang 2 tahun (masih sukar untuk dinilai). Penempatan yang paling lama iaitu 5 tahun keatas sahaja akan di kaji agar maklumat yang diperolehi menyakinkan terutama terhadap keakraban komuniti. Kajian ini juga hanya meliputi rumah teres, rumah berkembar dan rumah sesebuah. Pelan 1.4 menunjukkan gunatanah sedia ada untuk keseluruhan Bukit Jelutong dan Pelan 1.5 menggambarkan perumahan sedia ada kawasan kajian sahaja.

Pelan 1.1 : Pelan Kunci

Pelan 1.2 : Pelan Pembahagian Seksyen

Pelan 1.3 : Pelan Lokasi

Pelan 1.4 : Pelan Gunatanah Sediada

Pelan 1.5 : Pelan Kawasan Kajian

1.6 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian ini dibahagikan kepada beberapa peringkat, iaitu :-

- i. Peringkat Pertama : Kajian awalan;
- ii. Peringkat Kedua : Kajian literatur;
- iii. Peringkat Ketiga : Pengumpulan data;
- iv. Peringkat Keempat : Analisis data dan penemuan kajian;
- v. Peringkat Kelima : Hasil akhir dan cadangan.

1.6.1 Peringkat Pertama : Kajian Awalan

Kajian awalan ini melibatkan pemahaman terhadap isu-isu jenayah semasa sama ada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda yang melibatkan ancaman kepada aspek keselamatan dan kesejahteraan komuniti di kawasan kediaman bandar. Dasar, strategi dan program juga akan diperolehi dari data-data sekunder di dalam mengurangi kadar jenayah terutama dalam perlaksanaan Bandar Selamat. Selain daripada itu, matlamat dan objektif kajian dibentuk sebagai panduan kajian ini.

1.6.2 Peringkat Kedua : Kajian Literatur

Peringkat ini menjurus kepada pemahaman mengenai definisi, matlamat, konsep, indikator dan ciri-ciri mengenai Bandar Selamat di Malaysia dan luar negara dan aspek pembangunan komuniti dalam menjayakan Bandar Selamat.

1.6.3 Peringkat Ketiga : Pengumpulan Data

Peringkat ini melibatkan pengumpulan data sekunder dan primer. Maklumat sekunder diperolehi daripada agensi kerajaan yang berkaitan maklumat asas kawasan kajian. Antara maklumat-maklumat tersebut adalah latarbelakang kawasan kajian, masalah jenayah yang dilaporkan dan konsep Bandar Selamat yang diamalkan. Pengumpulan maklumat ini dibuat melalui bahan-bahan bercetak seperti buku rujukan, jurnal, surat khabar, majalah, laporan serta bahan-bahan elektronik [internet] dan temubual.

Maklumat primer diperolehi melalui kaedah kajian lapangan. Dua kaedah digunakan iaitu kaedah pengamatan/pemerhatian dan kaedah temubual soalselidik. Kaedah pengamatan kawasan kajian ini adalah untuk melihat aspek komuniti di kalangan penduduk. Ia dilakukan untuk mendapatkan pengalaman dan penghayatan sendiri ketika melalui kawasan tersebut bagi mengetahui tahap komuniti yang wujud di kawasan kajian.

Kajian temubual soalselidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang merangkumi profail penduduk, pandangan terhadap tahap keselamatan perumahan, pandangan terhadap tahap komuniti, pandangan terhadap tahap berpersatuhan, pandangan terhadap tahap kepercayaan antara komuniti di dalam mengurangi kadar jenayah.

Jumlah sampel adalah sebanyak 100 buah rumah dengan menggunakan paras keyakinan 90 peratus, [D.A. de Vaus, 1996]. Pemilihan sampel adalah berkadar mengikut tiga fasa dan tiga jenis rumah iaitu rumah teres, berkembar dan sesebuah. Ia dijalankan berdasarkan persampelan rawak mudah bagi setiap jenis rumah tersebut. Kesemua responden yang dipilih terdiri daripada ketua keluarga. Bilangan sampel bagi setiap jenis rumah adalah seperti di jadual 1.2.

Jadual 1.2 : Agihan Bilangan Sampel Borang Soal Selidik di Kawasan Kajian

Kategori	Rumah teres	Rumah berkembar	Rumah sesebuah	Jumlah
Bilangan Sampel	1,925 $\left\{ \frac{1,925}{2,270} \times 100 \right\}$	98 $\left\{ \frac{98}{2,270} \times 100 \right\}$	247 $\left\{ \frac{247}{2,270} \times 100 \right\}$	2,270
Jumlah unit kediaman	85	4	11	100

1.6.4 Peringkat Keempat : Analisis Data dan Penemuan Kajian


Data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian SPSS dan melibatkan frekuensi dan statistik jadual-silang. Hasil analisis akan digunakan untuk mengetahui sama ada aspek komuniti yang wujud di kawasan kajian boleh membantu dalam pencegahan jenayah. Disini juga dapat dilihat kejayaan dan halangan dalam aspek komuniti terhadap kawasan kajian. Seterusnya penilaian dilakukan ke atas penemuan kajian dengan menggunakan indikator Bandar Selamat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, [2004] dan indikator komuniti oleh Philip dan Bridges, [2005].

1.6.5 Peringkat Kelima : Hasil Akhir dan Cadangan

Daripada hasil kajian, dapat dikenalpasti sama ada pembangunan komuniti yang diperkenalkan di Bandar Selamat telah berjaya atau sebaliknya dalam mencegah jenayah. Beberapa pembaikan dan cadangan akan dikemukakan bagi pembangunan komuniti di kawasan kajian. Cadangan yang akan dihasilkan adalah bagi mewujudkan pembangunan komuniti yang baik bagi pencegahan jenayah di Bandar Selamat.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini penting bagi memberi panduan asas ke arah pembangunan komuniti yang lebih baik di dalam perlaksanaan konsep Bandar Selamat. Ini adalah kerana pembangunan komuniti di kawasan perumahan memainkan peranan yang penting untuk membentras kegiatan jenayah. Selain dapat menyelesaikan masalah jenayah di kawasan kajian, ia juga diharap dapat diterimapakai di kawasan yang lain dengan tujuan utama meningkatkan pembangunan komuniti ke arah kawasan kediaman [*living environment*] yang selamat.



Rajah 1.2 : Methodologi Kajian

BAHAN RUJUKAN

- Clarke, RGV and Mayhew, P. (1980). *Designing Out Crime*. Her Majesty's Stationary Office: London.
- Crowe, D. Timothy. (1991). *Applications of Architectural Design and Space Management Concept*. Butterworth -Heinemann.
- Colin Bell, Howard Newby .(1971). *Community Studies*. Britain : Unwin Ltd.
- Christensen adan Stoup.(1991). *Introduction to The Statistics for the Social and Behavioral Sciences-Second Edition*. California : Brooks/Cole Publishing Company.
- D.A. de Vaus (1996). *Surveys in Social Research*. London : UCL Press Lomited.
- Diane Warbutan .(2000). *Community & Sustainable Development – Participation in the Future*. London : Earthscan Publications Ltd.
- Effat. (2001). *Two Approaches to Organizational Analysis*. Beacon Press : Rosten.
- Gordon, E. Cherry .(1974). *Urban Planning Problems*. Barnes and Noble Import Division.
- Hagan, E. Frank. (1993). *Research Methods In Criminal Justice And Criminology*. New York : Third Edition, Macmillan Publishing Company.
- Heberle, David and Scutella, Richard. (1995).*The Complete Guide For Making Your Home Safe*. Ohio : Betterway Books: Cincinnati.
- Hopf, S. Peter .(1979). *Handbook of Building Security : Planning and Design*. United States of America : McGraw-Hill Book Company.
- Jabatan Perpaduan Negara. (2000). *Skim Rukun Tetangga*. Malaysia : Kuala Lumpur.
- Joseph De Chiara.(1984).*Time-Saver Standards for Site Planning*. United States: Semline.Inc.
- Joseph F. Sheley. (1987). *Exploring Crime: Reading in Criminology and Criminal Justice*. United State of Amerika: Wadsworth Inc.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa .(2000).*Garis Panduan Perancangan*. Malaysia : Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan.
- Kerajaan Malaysia. (1984). *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*. Malaysia : Kuala Lumpur.
- Kerajaan Malaysia.(1991). *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*. Malaysia : Kuala Lumpur.

- Kerajaan Malaysia. (1996). *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Malaysia : Kuala Lumpur.
- Kerajaan Malaysia. (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan 2000-2005*. Malaysia : Kuala Lumpur.
- Kerajaan Malaysia .(2006).*Rancangan Malaysia Ketujuh 2006-2010*. Malaysia : Kuala Lumpur.
- Kylie Eastly. (1997). *A Safe City is a Happy City*.City of Toronto. Green Edition.
- Klein. (1988). *The Concept And Measurement Of Neighbourhood*. Washington : US Department Of Housing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Kamus Dewan*. Malaysia : Kuala Lumpur.
- Kenneth B. Hall .(2001). *Community by Design*. Gerals A. Printerfield:Hill.
- Lang, Jon. (1994). *Urban Design : The American Experience*. Van Nostrand Reinhold.
- Lee Lam Thye .(1999). *World Town Planning Day-Public Lectures and Exhibition: Safe City*. Kuala Lumpur.
- Marie D.Hoff .(2000). *Sustainable Community Development – Studies in Economic, Environmental and Cultural Reritalization*. Washington:Lewis Publishers.
- Ministry of Federal Territory. (1983). *Neighbourhood Planning: A Policy Study and Survey Report*. Malaysia: Kuala Lumpur.
- Ocsar Newman. (1971). *Defensible Space – Crime Prevention Through Urban Design*. New York: The Macmillan Company.
- Paul J. Magian. (2004). *Urban Regeneration Community Power and the (in) Significance of 'Race'*. Australian : Cowan University, Western.
- Pedreira, Mauricio, Goodstein and Carol .(1992). *Blueprint for an Eco-Safe City*. Americas. 44 (6):10
- Rogers. (1981). *Towards Sustainable Communities*. Sums Latham Group.
- Rhonda Philips and Bridges. (2005). *Community Indicators Measuring Systems*. USA : Athenaeum Press, Ltd. Gateshead.
- Reeves, Dory (1996). *Safe City*. *Journal of Urban Design*.1(375): 2.
- R.V.G. Clarke and P. Mayhew (edited). (1980). *Designing Out Crime*. Home Office Research Unit, London: Her Majesty's Stationery Office.
- Saleha Md. Arif .(1999). *Kajian Kemudahan Perumahan di Wilayah Persekutuan*. Malaysia : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

- Safe Neighbourhoods Unit (SNU). (1993). *Crime Prevention and Council Estates*. London: HMSO.
- P. Stollard. (1991). *Crime Prevention Through Housing Design*. Great Britain: T. J. press (Padstow) Ltd.
- Thomas, R. and Cresswell. (1999). *Community In Housing Satisfaction*. New York : John Wiley.
- Timothy, D. Crowe. (1991). *Crime Prevention Through Environmental Design*. USA: National Crime Prevention Institute.

KERTAS SEMINAR

- Halimaton Saadiah binti Hashim. (2000). *Falsafah Dan Kawalan Pembangunan Dalam Mewujudkan Persekutaran Yang Selamat*. Universiti Teknologi Malaysia : Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah ke-18.
- Ho Khong Ming. (2000). *Ke Arah Perancangan Kawasan Kediaman Yang Selamat*. Universiti Teknologi Malaysia. Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah ke-18.
- Zainuddin Muhammad. (1999). *Ke Arah Persekutaran Kediaman yang Unggul*. Universiti Teknologi Malaysia : Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar & Wilayah ke-17.
- Zainuddin Muhammad. (2000). *Ke Arah Perancangan Dan Pembangunan Persekutaran Yang Selamat*. Universiti Teknologi Malaysia : Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah ke-18.
- Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia. (1999). *Buletin Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)* Kuala Lumpur.

KERATAN AKHBAR

- Utusan Malaysia. (1998). *Perlu Segera Wujudkan Konsep Bandar Selamat*. Bernama.
- Utusan Malaysia. (1998). *Kawalan Berpusat Pondok Polis Bangsar Menjadi Pelopor*.
Bernama.
- Utusan Malaysia. (1998). *Kereta Peronda Nadi Polis Memberikan Khidmat Mesra*.
Bernama.
- Utusan Malaysia. (1999). *Tingkatkan Aktiviti Cegah Jenayah*. Bernama.
- Utusan Malaysia. (1999). *Cegah Jenayah Penduduk Tubuh Pasukan Kawalan*.
Bernama.
- New Straits Times. (2000). *Safe City Initiative Being Expanded*.
- Utusan Malaysia. (2001). *Projek Bandar Selamat Berjaya Kurangkan Kadar Jenayah*.
Bernama.
- Utusan Malaysia. (2006). *SMS Daripada Pengendali Rakan COP tidak dicaj*.
Bernama.
- Utusan Malaysia.(2006). *Jangan Beri Peluang Kepada Penjenayah*. Bernama.
- Utusan Malaysia .(2006). *Bandar Bebas Jenayah*. Bernama.
- Utusan Malaysia. (2006). *PDRM dapat RM4.9b Tingkat Keselamatan*. Bernama.
- Harian Metro. (2006). *Polis, Penduduk Berdialog*.
- Utusan Malaysia. (2006). *Dua Polis Tinggal Di Setiap Taman Perumahan atasi Jenayah*. Bernama.
- Utusan Malaysia. (2006). *Program JOM Centre Berjaya*. Bernama.

BAHAN RUJUKAN DARI INTERNET

Asia Crime precentration Foundation (2000):

<http://www.acpf.org>

Jenayah Psikologi (1992) :

<http://www.kyky.essortment.com/psychologycrime.rhsa.htm>

National Crime Prevention Council of Canada (1996). *Safe City Committee.*
<Http://www.crime-prevention.org/ncpc/database/models/safe-e.htm>. Akses 15 November, 1999.

National Crime Prevention Council of Canada (1996). *The Problem of Crime.*
<Http://www.crime-prevention.org/ncpc/database/models/deal-e.htm>. Akses 15 November 1999.

Surrey City Council (1998). *Safe City.*

<Http://www.city/surrey.bc.ca/citycouncil/safecity.htm>. Akses: 15 November, 1999.

Melbourne Strategy. (2004). *A Strategy for a Safer City.*

<www.melbourne.vic.gov.au/vsrc/city> Akses : 06 Julai, 2006.

Community Safety .(2005). *Community Safety Strategy.*

<www.enfield.gov.uk> Akses : 06 Julai, 2006.

Community Safety Plan (2004). *Redfern-Waterloo Community safety Plan.*

<www.cityfsydney.nsw.gov.au> Akses : 10 Julai, 2006

Government of South Australia (2004). *Designing Out Crime.*

<www.eastleigh.gov.uk> Akses : 10 Julai, 2006

Sheriff King Country (2005). *Community Crime Prevention Neighborhood Block Watch Handbook.*

<www.metrokc.gov/sheriff/prevention> Akses : 23 Julai, 2006

Safer Community Partnership (2005). *Canterbury District Community Safety Strategy 2005-2008.*

<www.canterbery.gov.uk> Akses : 23 Julai, 2006

Ministry of justice (2005). *Implementation Guide for Crime Prevention.*

www.justice.govt.nz/pubs/reports/2005/cpted Akses : 23 Julai, 2006

Hillsborough County Sheriff's Office. (2006). *2005 Community Survey Final Report.*

www.fdle.state.fl.us/cjst/publications/agencyaddressess/sherifflabels.pdf Akses :
23 Julai, 2006.

Massachusetts Attorney General (2004). *Safe Neighborhood Initiative (SNI).*

www.ago.state.maa.us/sp Akses : 23 Julai, 2006

Safe Neighborhoods (2004). *The San Diego Community.*

www.sandiego.gov/environment.services Akses : 23 Julai, 2006

Crime Prevention Association (2004). *Neighborhood Watch.*

www.preventcrime.net Akses : 23 Julai, 2006